

Pakar gesa tumpu pematuhan SOP

Rakyat perlu diperkasa dari segi pengetahuan prosedur operasi standard

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijedual berakhir pada 4 Februari ini, bukan jaminan jumlah jangkitan kes COVID-19 akan berkurangan.

Justeru, penekanan perlu diberi terhadap pematuhan orang ramai terhadap prosedur operasi standard (SOP).

Pensyarah Perubatan Kanan, Pakar Mikrobiologi Perubatan dan Ketua Unit Kawalan Infeksi, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr Sharifah Azura Salleh, berkata PKP lebih menjurus kepada medium mengurangkan pergerakan.

Katanya, ia bagi memastikan orang ramai tidak kerap bertemu sehingga rantaian itu dapat diputuskan.

Beliau berkata, SOP bermatlamat memutuskan rantaian COVID-19 dan ia adalah cara paling berkesan dalam memastikan jangkitan dapat dikurangkan.

“Malangnya SOP ini tidak begitu diambil berat, lihat sahaja peningkatan jumlah jangkitan mencecah lebih 5,000 kes sehari dengan kebanyakannya adalah kluster tempat kerja.



SOP seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan kerap mencuci tangan tetap perlu diamalkan.

(Foto hiasan)

“Kita boleh kembali kepada kehidupan biasa jika semua mematuhi SOP dan itu jaminan sebenarnya,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Apa juga pelaksanaan atau peraturan oleh kerajaan, Sharifah Azura berkata, SOP seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan kerap mencuci tangan tetap perlu diamalkan.

Katanya, titisan air yang keluar daripada mulut dan hidung individu positif COVID-19 mudah menjadi punca jangkitan jika amalan dinyatakan itu tidak dilakukan.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) kini berdepan kebimbangan mengenai jumlah kategori pesakit COVID-19 tahap

tiga hingga lima yang semakin meningkat.

“Jika tahap tiga hingga lima terus bertambah, sistem kesihatan di hospital tidak dapat menampung dan tiba ke satu tahap mereka perlu menjalani rawatan di rumah.

“Jangan patuhi SOP kerana takut disaman, tetapi kerana bimbang dan tidak mahu lebih ramai dijangkiti,” katanya.

Pakar Kesihatan Perubatan Awam, Fakulti Perubatan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mallina Osman, berkata PKP dengan kebenaran pembukaan ekonomi boleh dikekalkan, tetapi memerlukan pemantauan SOP ketat di tempat kerja.

Katanya, masyarakat perlu diperkasakan dari segi pengetahuan mengenai SOP dan taburan tepat kes bagi memastikan mereka mengambil langkah berjaga-jaga.

“Jika ada kekangan petugas barisan hadapan, lantik agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain untuk sama-sama memantau pematuhan SOP.

“Mekanisme kos ujian saringan juga perlu diselaraskan kepada harga mampu milik supaya inisiatif itu dapat dilaksanakan oleh individu tanpa mengharapkan kerajaan.

“Apabila harga diturunkan, saya yakin ramai akan ada kesedaran untuk memerlukan pemantauan SOP ketat di tempat kerja,” katanya.



Malangnya SOP ini tidak begitu diambil berat, lihat sahaja peningkatan jumlah jangkitan mencecah lebih 5,000 kes sehari dengan kebanyakannya adalah kluster tempat kerja. Kita boleh kembali kepada kehidupan biasa jika semua mematuhi SOP dan itu jaminan sebenarnya.

Dr Sharifah Azura Salleh,
Pensyarah Perubatan Kanan,
Pakar Mikrobiologi
Perubatan dan Ketua Unit
Kawalan Infeksi HUKM